

Pengurusan Ekonomi dan Tinjauan

L A P O R A N E K O N O M I

1

Imbasan

Ekonomi Malaysia bersedia ke arah pertumbuhan lebih tinggi...

Ekonomi Malaysia melangkah ke tahun 2002 dengan asas yang lebih kukuh setelah pulih daripada kemerosotan dalam dua suku terakhir tahun 2001. Keluaran dalam negara kasar (KDNK) dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi tetapi sederhana berikutan pemulihan ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang berlaku lebih awal daripada jangkauan dan semakin kukuh dalam setengah tahun terakhir 2002.

Tahun 2002 bermula penuh optimis dengan pemulihan ekonomi dunia, diterajui oleh AS, berpunca daripada peningkatan permintaan untuk perumahan, pertambahan perbelanjaan pertahanan dan pemulihan sektor elektronik. Namun, harapan terhadap pemulihan yang cergas pada tahun ini tergugat oleh beberapa ketidakpastian, khususnya prestasi suku kedua yang lemah, mencerminkan pertumbuhan KDNK AS yang perlahan dan pendapatan korporat yang lebih rendah. Skandal kewangan korporat bernilai ringgit di AS, berpunca daripada salah laku pengurusan yang serius dan penipuan dalam amalan perakaunan dan ketegangan yang meningkat di Asia Barat, telah menyebabkan kejatuhan harga ekuiti dan menghakis keyakinan pelabur dan pengguna. Meskipun begitu, kesinambungan dasar monetari yang mudah dan tindakan cepat kerajaan untuk memperbaiki urusan korporat dan akauntabiliti telah membantu membendung kemelesetan sentimen yang berterusan. Di negara lain, pertumbuhan sederhana bagi kawasan euro dan pemulihan ekonomi Jepun dijangka berterusan meskipun berdepan dengan risiko yang meningkat. Berlandaskan pertumbuhan ekonomi global yang teguh serta disokong oleh sektor dalam negeri yang mantap, ekonomi Malaysia dijangka terus mengukuhkan khususnya bagi separuh kedua 2002.

KDNK benar diunjur berkembang 4%-5% sebagaimana yang disasarkan dalam Belanjawan 2002, dan dicapai dalam keadaan inflasi yang rendah dan asas-asas ekonomi yang lebih kukuh, dibantu dengan dasar fiskal berhemah dan dasar kewangan akomodatif. Dengan prestasi keseluruhan ekonomi yang bertambah baik, lebih banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan, pengangguran terus terkawal dan ekonomi kekal dalam kedudukan guna tenaga penuh.

Pengurusan Ekonomi 2002

Dasar Fiskal dan Monetari

Dasar fiskal menyokong dan dasar kewangan akomodatif saling membantu mengukuhkan momentum pertumbuhan...

Pemulihan ekonomi global yang dijangka berlaku lebih awal menjadi rapuh dan terancam menjelang pertengahan tahun dengan terdedahnya salah laku korporat dan amalan perakaunan di AS, menyebabkan pasaran ekuiti menjunam dan keyakinan pelabur terhakis. Keadaan menjadi lebih buruk dengan pendapatan korporat yang rendah, jurang defisit akaun semasa yang melebar serta nilai dolar AS yang merosot mengakibatkan pemulihan ekonomi global menjadi semakin perlahan.

Memandangkan risiko yang semakin meningkat, **dasar fiskal** mengembang yang sederhana dikekalkan dalam 2002 sebagai langkah berterusan untuk menyemarakkan lagi momentum pertumbuhan ekonomi di samping mengimbangi kemungkinan berlakunya kelemahan eksport dan pelaburan swasta. Justeru, sektor awam terus memainkan peranan penting sebagai pemangkin pertumbuhan tanpa mengetepikan penekanan

ke arah konsolidasi fiskal. Ekonomi negara terus dipacu oleh sektor dalam negeri dengan diterajui permintaan dalam negeri dan penggunaan swasta yang lebih kukuh dan disokong oleh dua pakej rangsangan fiskal yang diperkenalkan pada tahun lalu. Selain itu, insentif cukai dan bukan cukai yang diperkenalkan dalam tahun semasa, bertujuan meningkatkan penggunaan dan mengekalkan kestabilan ekonomi dan sosial serta meningkatkan daya saing untuk mengekalkan pertumbuhan. Antara langkah cukai ini, termasuklah pengurangan kadar cukai pendapatan individu dan pengurangan atau pemansuhan duti import ke atas barangan tertentu termasuk barang perantaraan, bertujuan mengurangkan kos pengeluaran serta kos kendalian perniagaan. Tambahan pula, bagi menggalakkan pembuatan mesin dan peralatan lain dalam negara, kriteria nilai tambah bagi maksud pemberian taraf perintis dan elaun cukai pelaburan telah dikurangkan daripada 30% kepada 20%. Bagi mengukuhkan sumbangan sektor pertanian kepada pertumbuhan ekonomi, pelaburan semula oleh syarikat sedia ada diberi pengecualian cukai pendapatan selama lima tahun. Bagi menggalakkan pengeluaran makanan berskala besar untuk eksport, pemberian elaun 100% terhadap perbelanjaan modal telah dipanjangkan juga kepada projek-projek pertanian termasuk penanaman herba dan sayur-sayuran dan juga akuakultur. Elaun pelaburan semula juga diberikan bagi menggalakkan lagi pelaburan dan pembangunan industri hiliran berasaskan pertanian. Dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, Kerajaan turut memberi pengecualian cukai bagi alat kelengkapan pendidikan termasuk peralatan makmal, makmal bahasa, bengkel dan studio.

Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka terus meningkat sebanyak 5% kepada RM83,550 juta, mencerminkan prestasi ekonomi yang bertambah baik, peningkatan aktiviti ekonomi dan pendapatan korporat serta sistem kutipan cukai yang lebih efisien. Berikutan itu, kedudukan kewangan Kerajaan kekal kukuh dengan akaun semasa terus mencatat lebihan. Dengan peningkatan kecil sebanyak 0.3% dalam perbelanjaan pembangunan (2001: 26.1%), defisit fiskal dijangka mengecil ke paras 4.7% daripada KDNK. Kedudukan ini lebih baik daripada 5.1% yang diunjurkan bagi 2002 dan 5.5% yang dialami pada 2001.

Selaras dengan dasar pengurusan fiskal yang berhemah, defisit Kerajaan Persekutuan dibiayai terutamanya oleh sumber dalam negeri yang tidak terdedah kepada inflasi di mana 59.5% daripada jumlah pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan merupakan pinjaman dalam negeri. Begitu juga, hutang Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM167,835 juta, sebahagian besar (77.6%) terdiri daripada hutang dalam negeri. Kadar tabungan dalam negara yang tinggi dan paras mudah tunai mencukupi memberi fleksibiliti untuk menghadkan pergantungan terhadap pinjaman luar pada paras yang rendah. Dengan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan yang mapan pada paras RM183,909 juta atau 51.7% daripada KDNK, Malaysia kekal sebagai negara keberhutangan sederhana.

Setelah mengalami belanjawan defisit selama lima tahun berturut-turut semenjak krisis kewangan Asia pada 1997, penting sekali proses konsolidasi kewangan disambung semula. Pengembangan fiskal yang sederhana ini adalah bagi menyokong momentum pertumbuhan dalam menangani kelemahan pemulihan ekonomi global. Defisit yang berkurangan mencerminkan amalan dasar fiskal Kerajaan yang berhemah dan pengurusan kewangan yang berdisiplin dan kemajuan ke arah konsolidasi fiskal dan belanjawan berimbang pada akhir Rancangan Malaysia Kelapan. Peningkatan prestasi ekonomi, pungutan hasil yang lebih tinggi dan peranan sektor swasta yang lebih aktif telah membolehkan dasar ini diamalkan.

Sebagai melengkapi dasar fiskal, **dasar monetari** terus akomodatif bagi menyokong aktiviti-aktiviti ekonomi di mana agregat monetari juga berkembang sejajar dengan keadaan ekonomi yang semakin baik. Rejim kadar faedah rendah terus berkekalan dalam 2002, disebabkan pemulihan ekonomi global yang perlahan dan kadar faedah yang rendah. Ini disokong oleh mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan dan perbezaan kadar faedah yang masih memihak kepada Malaysia. Pinjaman belum dijelaskan dalam sistem perbankan telah meningkat 3.3% pada akhir Julai. Pinjaman diluluskan dan pinjaman dikeluarkan adalah terutamanya untuk membiayai sektor pembuatan, pembelian rumah dan kenderaan bermotor. Bekalan wang luas turut meningkat pada kadar stabil 0.7% pada Julai, mencerminkan peningkatan dalam aktiviti ekonomi.

Rejim kadar pertukaran tetap ringgit yang ditamatkan kepada dolar AS adalah konsisten dengan asas-asas ekonomi dan terus menyokong pertumbuhan. Apabila dolar AS terus merosot, tekanan awal terhadap ringgit yang dialami terutamanya di akhir tempoh 2001 dan awal 2002 semasa nilai yen menurun kira-kira 13% akhirnya menjadi lega dan tren menaik berpaling arah. Seajar dengan kejatuhan dolar AS, nilai ringgit sejak akhir 2001 mengalami kejatuhan antara 2.8% dan 17.2% berbanding dengan mata wang serantau. Kemerostan nilai ringgit ini telah membantu meningkatkan eksport, yang berkembang 6.7% pada bulan Julai.

Sistem perbankan tetap teguh dengan nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) 13.1%, jauh melebihi nisbah antarabangsa Basle pada kadar 8%, berupaya menampung hutang tidak berbayar (NPLs) yang stabil pada paras 8% pada Julai 2002. Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta), Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) dan Danamodal Nasional Berhad (Danamodal) memainkan peranan penting dalam menyelesaikan NPLs dan hutang korporat dalam sistem perbankan. Sehingga akhir Jun, Danaharta telah menerima RM17,350 juta, atau 58% daripada jangkakan bayaran balik berjumlah RM29,710 juta. Sejak dari penubuhannya pada Julai 1998 sehingga dibubarkan pada Julai 2002, CDRC telah menyelesaikan kesemua, kecuali empat kes. Bagi Danamodal pula, dengan proses penggabungan bank hampir siap sepenuhnya, adalah dijangkakan bantuan kewangan tidak lagi diberikan kepada institusi perbankan.

Mengekalkan Pertumbuhan Ekonomi

Pertumbuhan tinggi tercapai dengan asas makroekonomi lebih kukuh dan meningkatnya keyakinan pelabur...

Cabaran utama yang perlu ditangani segera bagi tahun 2002 adalah untuk mengekalkan pertumbuhan dan mengukuhkan asas makroekonomi pasca 11 September. Pemulihan ekonomi dunia yang masih rapuh dan lemah, memerlukan **dasar fiskal mengembang yang sederhana** untuk memastikan momentum pertumbuhan dapat dikekalkan. Walaupun

Kerajaan komited untuk memulakan langkah ke arah belanjawan berimbang dalam jangka sederhana, pengurangan perbelanjaan awam secara mendadak dianggap belum tiba masanya memandangkan persekitaran luar masih tidak menentu.

Pelaksanaan projek di bawah kedua-dua pakej rangsangan tahun 2001 berjumlah RM7.3 bilion, dijangka bersambung dalam 2002, memandangkan pelaksanaan projek infrastruktur besar memerlukan jangka masa panjang untuk disiapkan, sekaligus menyumbang kepada pertumbuhan. Langkah fiskal tersebut berserta dengan dasar monetari akomodatif melalui rejim kadar faedah rendah dan kadar tetap ringgit yang stabil, telah membantu perkembangan eksport, khususnya barangan elektronik, dan meningkatkan permintaan swasta dalam negeri.

Pertumbuhan **KDNK yang kukuh** antara 4%-5% dijangka dipacu oleh sektor dalam negeri buat tahun keduanya, melalui sumbangan sektor swasta yang semakin meningkat. Sektor perkhidmatan terus menjadi penyumbang utama pertumbuhan ekonomi dengan menambah 3 mata peratusan kepada KDNK, diikuti oleh sektor pembuatan dengan 1.6 mata peratusan berikutan pemulihan dan peningkatan permintaan global terhadap keluaran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Penggunaan swasta diramalkan berkembang 5.9% (2001: 2.8%) manakala pelaburan swasta dijangka pulih sebanyak 1.8% (2001: -19.9%) berikutan peningkatan permintaan luar bagi barangan elektronik serta kenaikan harga yang tinggi bagi minyak sawit dan getah.

Sehingga kini, pertumbuhan ekonomi telah tercapai dalam persekitaran **inflasi yang terbencong dan guna tenaga penuh**. Kenaikan harga pengguna terbencong di bawah paras 2% sejak tahun 2000. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2002, Indeks Harga Pengguna (IHP) telah meningkat 1.8% berikutan kenaikan caj telekomunikasi pada Mac dan harga keluaran petroleum pada Mei. Tekanan inflasi dapat dibendung kerana terdapat lebih kapasiti dalam ekonomi dan inflasi global yang rendah. Indeks Harga Pengeluar (PPI), yang menurun sepanjang 2001, telah meningkat sedikit 0.6% pada Mac 2002 dan seterusnya kepada 1.3% sehingga Julai, terutamanya kerana kenaikan harga

komoditi kelapa sawit dan bahan mentah. Jangkaan bahawa inflasi akan terbendung membolehkan pelaksanaan dasar fiskal dan monetari yang lebih fleksibel untuk menyokong momentum pertumbuhan pelaburan dan penggunaan dalam negeri.

Keadaan pasaran buruh bertambah baik selaras dengan pemulihan ekonomi global. Pemberhentian pekerja memuncak kepada 5,830 pekerja pada September 2001, tetapi berkurangan kepada 1,440 pekerja pada Jun 2002, selaras dengan peningkatan permintaan eksport barangan elektronik dan kapasiti pengeluaran. Pada pertengahan 2002, terdapat 61,100 kekosongan pekerjaan berbanding 14,300 pemberhentian, yang berdaftar di Jabatan Tenaga Rakyat, menandakan pasaran buruh telah bertambah baik. Kadar pengangguran yang telah meningkat daripada 3.1% pada 2000 kepada 3.6% pada 2001 dijangka turun sedikit kepada 3.5% pada 2002, masih pada paras guna tenaga penuh. Sebagai langkah sementara untuk mengurangkan pengangguran di kalangan graduan, di samping meningkatkan kemahiran dan kebolehan mereka dalam bidang ICT dan penguasaan bahasa Inggeris, Kerajaan telah melaksanakan program Skim Sangkutan dan Latihan (SSL) yang merupakan skim latihan sambil bekerja kepada lebih 30,000 graduan menganggur. Langkah ini telah membantu mengurangkan tekanan pengangguran dan membendung kemungkinan berlakunya gejala sosial tidak sihat.

Penstrukturan semula sektor kewangan dan korporat diteruskan sebagai langkah ke arah meningkatkan lagi keyakinan pelabur yang menjadi pra syarat penting dalam usaha pembentukan modal. Penggabungan bank-bank tempatan telah berjaya disempurnakan dan menghasilkan asas modal yang lebih kukuh. Syarikat broker saham yang asalnya berjumlah 66 telah memulakan program konsolidasi sejak tahun 2000, berjaya mengurangkan bilangannya kepada 33 pada tahun 2002. Dalam sektor insurans pula, langkah penggabungan dan pengambilalihan masih berjalan, yang mana daripada 63 syarikat yang beroperasi, 10 telah bergabung bagi meningkatkan lagi keupayaan dan kecekapan.

Bagi sektor korporat, kemajuan yang menggalakkan telah dicapai dalam menangani isu penstrukturan semula. CDRC telah berjaya mengusahakan penstrukturan semula korporat di kalangan syarikat-syarikat besar Malaysia. Sehingga akhir Julai, CDRC telah menyelesaikan kesemua kecuali empat kes penstrukturan semula melibatkan hutang berjumlah RM43,970 juta. Empat kes yang masih terbengkalai melibatkan RM2,470 juta telah dipindahkan kepada Danaharta. Penstrukturan semula hutang korporat yang diikuti dengan penjualan aset, pengguguran perniagaan bukan teras dan juga pertukaran pengurusan, dijangka dapat menjadikan syarikat berkenaan lebih berdaya tahan. Justeru, sektor perbankan dan korporat yang telah bertambah mantap kini berada pada kedudukan yang lebih baik untuk membantu pemulihan ekonomi. Di bidang urus tadbir korporat, langkah memasukkan Kod Malaysia Mengenai Urus Tadbir Korporat dalam Syarat Penyenaraian Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang disemak semula, yang meliputi pendedahan maklumat, ketelusan dan perlindungan kepentingan pemegang saham minoriti, telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Terdapat peningkatan kesedaran dan penerimaan umum terhadap langkah-langkah yang dilaksanakan bagi meningkatkan standard urus tadbir korporat dan pengiktirafan nilai pemegang saham.

Prestasi **BSKL** amat membanggakan pada awal 2002. Indeks Komposit BSKL melonjak 207.6% daripada paras terendah 262.7 mata pada September 1998 memuncak kepada paras 20-bulan tertinggi 808 mata pada 23 April 2002 dengan jumlah permodalan pasaran RM563 bilion. Bagaimanapun, menjelang pertengahan 2002, BSKL telah mengalah kepada tekanan terhadap kejatuhan bursa saham dunia berikutan skandal korporat dan penipuan akaun syarikat di AS. Prestasi BSKL dijangka bertambah baik dengan kembalinya keyakinan pelabur setelah suasana ekonomi dunia menjadi lebih jelas dan mengukuh, khususnya menjelang hujung tahun.

Kejayaan pengurusan ekonomi yang baik serta pengurusan kewangan berhemah terbukti melalui **pengukuhan asas-asas makroekonomi** seperti lebihan dalam imbalan pembayaran,

kemantapan rizab, kadar pertukaran yang stabil serta kadar inflasi dan pengangguran yang rendah. Keadaan ini telah mendorong agensi penarafan antarabangsa menaikkan penarafan dan jangkaan prospek ekonomi negara daripada stabil kepada positif pada awal tahun dan selanjutnya kepada BBB+ stabil pada pertengahan tahun 2002. Bon yang diterbitkan oleh Kerajaan dan Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK) telah diterima baik di pasaran dunia, mencerminkan kekuatan dan keyakinan terhadap kedudukan kewangan negara. Bon kedaulatan negara bernilai USD\$750 juta yang diterbitkan pada Mac 2002 dengan harga 175 mata asas melebihi Nota Perbendaharaan AS matang 10 tahun, mendapat sambutan di luar dugaan kepada lebih ramai pelabur daripada AS, Asia dan Eropah dan terlebih langganan hampir lima kali ganda. Bon Islam pertama di dunia yang bernilai USD\$500 juta matang lima tahun, diterbitkan oleh Kerajaan pada Jun, ditetapkan pada harga cuma 95 mata melebihi dolar Libor. Dalam kemunculan pertama kalinya, bon ini telah terlebih langganan dua kali ganda, jelas membuktikan keyakinan pelabur. Rizab antarabangsa pada Ogos 2002, telah meningkat ke paras USD34.2 bilion, mampu menampung 5.6 bulan import tertanggung dan melebihi 5.1 kali hutang luar jangka pendek. Peningkatan berterusan ekonomi benar, kedudukan kewangan yang teguh, kestabilan politik dan kemasukan berterusan pelaburan, menandakan penarafan kedaulatan negara akan dinaikkan lagi dalam tempoh terdekat.

Pengamatan Prestasi Program

Dasar yang padan dengan strategi yang tepat pada masanya – tunggak kejayaan Malaysia...

Kelemahan pemulihan ekonomi AS dalam keadaan pertumbuhan yang goyah memaksa Kerajaan melaksanakan dasar belanjawan mengembang bagi memastikan momentum pertumbuhan dapat dikekalkan. Pakej pertama *pre-emptive* telah dilaksanakan bagi membendung kesan daripada kelembapan ekonomi AS dalam 2001. Menjelang akhir tahun, ekor peristiwa 11 September yang telah memburukkan lagi

ekonomi global, Kerajaan telah mengambil langkah melaksanakan pakej rangsangan fiskal yang kedua.

Peningkatan Aktiviti Dalam Negeri

Aktiviti ekonomi dalam negeri yang lebih tinggi dan penggunaan mapan disokong oleh rangsangan fiskal...

Program rangsangan fiskal yang diumumkan dalam 2001 meliputi pelbagai projek, termasuklah pembinaan pelabuhan, sekolah satu sesi, kolej komuniti dan perumahan anggota tentera. Peruntukan juga telah disediakan bagi pengeluaran makanan, peningkatan kemudahan dan infrastruktur luar bandar, galakan kepada perusahaan kecil dan sederhana (SMEs) yang disediakan melalui pengwujudkan tabung khas serta peruntukan untuk penyelenggaraan kemudahan-kemudahan sektor awam. Memandangkan cuma 61.5% daripada pakej RM7.3 bilion dapat dibelanjakan sehingga akhir Februari 2002, bermakna sebahagian besar perbelanjaan fiskal berterusan dalam tahun semasa disebabkan keperluan tempoh bagi menyiapkan projek. Bagi memastikan projek Kerajaan dilaksanakan dengan cepat dan lancar, prosedur dan peraturan berhubung dengan kelulusan dan pembayaran telah dikaji semula dan dipermudahkan. Sebagai langkah tambahan, projek yang belum dimulakan setelah tiga bulan diberi kontrak atau 30% terlewat dari jadual akan dibatalkan dan ditawarkan kepada kontraktor lain. Kejayaan rangsangan fiskal telah menghasilkan peningkatan aktiviti ekonomi dalam negeri. Ia juga telah memainkan peranan penting dan utama dalam mengekalkan pertumbuhan positif KDNK pada 2001.

Di bidang **pendidikan** pula, pembinaan sebanyak 240 buah sekolah rendah dan 163 sekolah menengah termasuk enam kolej matrikulasi telah diluluskan. Tiga buah kolej matrikulasi telah siap dibina dan beroperasi sepenuhnya di Johor, Labuan dan Perak, manakala 91 buah sekolah rendah dan 81 sekolah menengah dijangka siap pembinaannya dalam tahun ini dan selebihnya, di pelbagai tahap pembinaan dan dijadualkan siap pada 2003. Di sektor kesihatan pula, 241

buah klinik luar bandar telah diluluskan untuk pelaksanaan, di mana 133 buah telah siap dibina sehingga Julai 2002.

Mempelbagaikan Punca Pertumbuhan

Sektor perkhidmatan menerajui pertumbuhan...

Selain daripada belanjawan mengembang, strategi Belanjawan 2002 adalah bagi mempelbagai ekonomi dan mengenalpasti punca-punca pertumbuhan baru. Sehubungan ini, pencapaian dalam usaha mempertingkatkan peranan dan sumbangan **sektor perkhidmatan** adalah membanggakan. Sektor ini dijangka mengembang 5.3% dan menyumbang 57% kepada KDNK tahun ini. **Industri pelancongan** khususnya didapati lebih cergas dan berkembang dengan pantas sejak beberapa tahun kebelakangan. Pelancongan telah menyumbang pendapatan tukaran asing sebanyak RM24,220 juta dalam 2001, meningkat 39.7% dari tahun lalu (2000: RM17,340 juta). Ketibaan pelancong pada bulan November menjunam ke paras 596,200 selepas peristiwa 11 September, iaitu jauh lebih rendah daripada purata 1.1 juta dalam tempoh 12 bulan sebelum peristiwa tersebut. Bagaimanapun, dengan aktiviti promosi yang lebih intensif melalui peruntukan RM200 juta oleh Kerajaan, angka ketibaan pelancong kembali melonjak setinggi 1.3 juta pada April 2002 dan stabil pada paras purata bulanan asal dalam tempoh separuh pertama 2002.

Pasaran pelancongan telah menjadi lebih terpelbagai dengan kemasukan lebih ramai pelancong dari Republik Rakyat China dan Timur Tengah. Kadar penginapan hotel meningkat 68.2%, pelancong juga tinggal lebih lama selama 7.1 hari, menghasilkan perbelanjaan per kapita RM2,012 (2001: RM1,896). Adalah dijangkakan bahawa perjalanan udara dan industri pelancongan akan meningkat pada penghujung tahun di mana negara akan mencatat 13 juta ketibaan pelancong dan pendapatan sebanyak RM26,200 juta, menjadikan industri ini penyumbang kedua terbesar dari segi perolehan tukaran asing. Bagi menggalakkan lagi sektor ini, Kerajaan telah menubuh tabung pelancongan

dengan peruntukan RM400 juta untuk membangunkan infrastruktur dan memperbaiki kemudahan pelancongan.

Kemajuan besar juga telah dicapai dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai **hab pengangkutan dan logistik**. Dalam hal ini, pelabuhan baru Tanjung Pelepas (PTP), Johor telah mendapat liputan utama setelah berjaya menarik sebahagian besar perniagaan pengendalian daripada pelabuhan serantau melalui perolehan kontrak jangka panjang dengan Maersk-Sealand, operator terbesar dunia dan Evergreen Marine Corporation. Dalam jangkamasa dua setengah tahun sejak beroperasi, PTP telah mencatat pertumbuhan luar biasa dalam pengendalian kontena daripada 48,668 TEUs (unit bersamaan 20 kaki) dalam enam bulan pertama 2000 kepada 2 juta TEUs pada 2001. PTP tampak bersedia untuk melepasi 2.5 juta TEUs kendalian yang disasarkan menjelang akhir tahun.

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, salah sebuah lapangan terbang tercanggih di dunia, telah dikenal pasti oleh Persatuan Pengembara Udara Antarabangsa (IATA) berpotensi menjadi hab perjalanan udara di rantau Asia Pasifik bagi 2002. Bagi memaksimum kelebihan yang ada dan meningkatkan penggunaan KLIA, beberapa insentif disediakan untuk menarik syarikat penerbangan baru menggunakan KLIA dan yang sedia ada meningkatkan kekerapan penerbangan mereka. Sebagai tambahan kepada pengecualian penuh ke atas yuran pendaratan dan parkir selama lima tahun untuk syarikat penerbangan antarabangsa baru termasuk yang menambah kekerapan penerbangan, program insentif dengan peruntukan sebanyak RM10 juta telah diperkenalkan. Program ini melibatkan pemberian geran padanan kepada syarikat penerbangan antarabangsa baru yang menjalankan aktiviti mempromosi KLIA. Usaha ini telah berjaya menarik dua syarikat penerbangan baru dan menambah kekerapan penerbangan sebanyak enam lagi. Pada Jun 2002, sebagai pengiktirafan kepada perkhidmatan bermutu tinggi, Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) telah menerima anugerah 'Kakitangan Kabin Terbaik 2002' di rantau Asia, berdasarkan kajian *Skytrax Research London* yang berpangkalan di United Kingdom.

Dalam kajian yang sama, *Malaysia Airlines Flagship Lounge* di KLIA, yang terbesar di dunia, telah dipilih antara tiga lounge terbaik di dunia.

Meningkatkan Daya Saing

Kemajuan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan disokong oleh pemodal teroka dan ICT sebagai teknologi pendorong...

Menyedari pentingnya peranan **ekonomi berasaskan pengetahuan** (K-ekonomi) bagi meningkatkan produktiviti dan pertumbuhan, Kerajaan telah melaksanakan Pelan Induk Ekonomi Berasaskan Pengetahuan. Pelan Induk ini yang dilancarkan pada September, menggariskan tujuh strategi utama mengandungi beberapa cadangan untuk mempercepatkan peralihan ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan. Strategi ini memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang penting untuk perubahan kepada ekonomi baru, terdiri daripada pembangunan sumber manusia, rangka kerja institusi, info-struktur dan infrastruktur, sains dan keupayaan teknologi, peranan sektor swasta, perkhidmatan awam berasaskan pengetahuan serta merapatkan jurang pengetahuan dan digital. Koridor Raya Multimedia (MSC) juga menempa kemajuan dalam usaha menyediakan sokongan infrastruktur bagi industri ICT dan pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan. Sehingga Julai 2002, 745 syarikat (2001: 621 syarikat) telah diberi status MSC. Pelaburan di kawasan koridor telah mencecah RM9.7 bilion, peningkatan 42% berbanding 2001, dan telah menyediakan peluang pekerjaan kepada 18,550 orang yang mana 84% atau 15,594 merupakan *k-workers*. Setakat ini, terdapat 53 syarikat bertaraf dunia beroperasi dalam kawasan MSC.

Bagi menggalakkan kreativiti dan inovasi selaras dengan konsep K-ekonomi, tabung **modal teroka** telah diwujudkan dengan peruntukan RM500 juta untuk menyediakan pembiayaan ekuiti kepada syarikat teroka yang menceburi bidang ICT dalam bentuk pinjaman tanpa faedah untuk jangka masa sehingga 10 tahun. Pembiayaan daripada tabung ini diuruskan oleh *Malaysian Venture Capital Management Berhad* (MAVCAP) melalui dua program iaitu sebanyak RM100 juta untuk program *out-sourcing*, manakala selebihnya untuk

pelaburan langsung. Sehingga pertengahan 2002, tiga daripada empat syarikat sasaran telah diluluskan pembiayaan di bawah program *out-sourcing* dalam bidang rangkaian dan komunikasi, aplikasi, perisian komputer dan fotonik. Di bawah program pelaburan langsung pula, MAVCAP telah meluluskan tiga projek melibatkan pelaburan RM33.9 juta dalam bidang komunikasi, sistem elektronik mikro dan bioteknologi. Selain itu, Kerajaan dengan kerjasama *Japan Bank for International Cooperation* (JBIC) telah menubuhkan Dana ICT berjumlah RM1.6 bilion diuruskan oleh *Malaysia Debt Venture Berhad*, syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan yang dilancarkan pada 30 Ogos 2002. Dana ini menyediakan pinjaman kepada pemaju multimedia, pengeluar barangan berteknologi tinggi, pembekal khidmat, pedagang dan juga syarikat yang menggunakan ICT dalam bidang pendidikan, kesihatan dan industri hiburan.

Dalam memajukan **e-perniagaan** yang semakin penting bagi menyokong kegiatan perniagaan dalam dunia elektronik tanpa sempadan, sejumlah RM5 juta telah diperuntukkan bagi pembangunan rangkaian pengurusan penawaran global iaitu RosettaNet Malaysia, untuk pengurusan perolehan, pengeluaran dan logistik secara *real-time* dan *online*. Pelancaran RosettaNet Malaysia Berhad pada Januari 2002 merupakan kemuncak kepada usaha bersepadu ke arah e-perniagaan khususnya untuk industri yang terlibat dengan pengeluaran berteknologi tinggi. Melalui penubuhannya, SMEs mampu berganding dengan lebih 400 pembekal dunia dan menyertai pemasaran produk secara global dengan lebih teratur. Sehingga Ogos, 42 syarikat telah mendaftar sebagai ahli RosettaNet Malaysia.

Pekerja mahir dan **k-workers** menjadi prasyarat bagi negara menuju kepada ekonomi berasaskan pengetahuan dan meningkatkan daya saing. Sehubungan ini, program latihan dan pendidikan terus diberi penekanan bagi menangani isu kekurangan tenaga kerja dalam ICT dan bidang yang berkaitan. Bagi menggalakkan celik komputer dan meningkatkan akses pelajar kepada ICT, sejumlah RM441.8 juta telah disediakan untuk pembinaan 2,874 makmal komputer dan kemudahan-kemudahan di bandar dan luar bandar. Sehingga pertengahan 2002, sebanyak 1,977 projek atau 68.8% telah siap dibina. Selain

itu, sebagai strategi menarik kepakaran, insentif juga telah ditawarkan bagi menarik rakyat Malaysia yang berkemahiran tinggi dan bekerja di luar negara supaya kembali berkhidmat dalam negara. Sehingga Ogos, 474 permohonan telah diterima dan 171 diluluskan meliputi bidang perubatan, teknologi maklumat, kewangan dan perakaunan, industri serta sains dan teknologi.

Kerajaan terus berusaha melaksanakan pelbagai langkah untuk meningkatkan **produktiviti** dan mengurangkan kos kendalian perniagaan melalui langkah fiskal dan bukan fiskal bagi mengekalkan daya saing. Produktiviti negara telah meningkat 3.3% bagi tempoh 1996-2001, melebihi pencapaian beberapa negara dalam Pertubuhan bagi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) iaitu AS (2.3%), United Kingdom (1.6%), Kanada (1.4%), Perancis (1.2%), Jepun (1.1%), Jerman (1.1%) dan Itali (0.8%). Begitu juga, output per pekerja turut meningkat dengan ketara 8.8% melebihi 3.7% kenaikan kos unit buruh bagi tempoh enam bulan pertama 2002.

Pada masa ini, Malaysia masih berdaya saing dan menikmati **kos kendalian perniagaan** yang rendah atau sederhana berbanding dengan beberapa negara di rantau ini, terutamanya bagi kos ruang perniagaan, telekomunikasi, utiliti dan pengangkutan. Ini dilaporkan dalam satu kajian pada tahun 2001 oleh Japan External Trade Organization (JETRO) mengenai kos kendalian perniagaan di beberapa bandar terpilih di rantau Asia. Perbandingan antara 12 bandaraya Asia juga menunjukkan Malaysia mempunyai kadar cukai berkesan terendah kerana ia tidak mengenakan cukai ke atas pendapatan dividen. Selain itu, Malaysia menawarkan pelbagai insentif dan elaun termasuk taraf perintis, elaun cukai pelaburan, elaun pelaburan semula serta pakej insentif khas bagi aktiviti tertentu dalam sektor perkilangan, pertanian dan perkhidmatan. Langkah-langkah ini, yang sedang berkuatkuasa pada masa ini, akan meningkatkan suasana pelaburan dan perniagaan di negara ini.

Sungguhpun begitu, kelebihan Malaysia terletak pada tenaga kerjanya yang berkemahiran tinggi,

terpelajar dan mudah dilatih dengan bilangan pekerja berpengetahuan yang semakin bertambah untuk memenuhi keperluan syarikat-syarikat ICT yang bernilai tambah yang tinggi. Selain itu, Kerajaan terbukti mesra pelabur dan peniaga melalui usahanya mengadakan dialog tahunan antara sektor awam dan swasta bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi sektor swasta, selaras dengan konsep Persyarikatan Malaysia. Usaha secara berterusan ini dijangka dapat membantu dan memudahkan lagi aktiviti perniagaan dalam negara. Dengan kemajuan teknologi yang akan muncul dalam persekitaran ekonomi baru, sudah pasti kos kendalian perniagaan dapat dikurangkan dan seterusnya akan meningkatkan lagi daya saing negara.

Memastikan Agihan Saksama

Tumpuan ke atas pembangunan pertanian dan luar bandar disokong dengan skim khas menangani pengangguran...

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah bagi membantu **sektor pertanian**, dari segi meningkatkan hasil dan harga keluaran pertanian. Ini bertujuan memperbaiki pendapatan pekebun kecil, di samping berusaha mengurangkan perbelanjaan mengimpor bahan makanan yang berjumlah RM12,300 juta dalam 2001. Penawaran berlebihan minyak sawit di pasaran dunia telah menyebabkan harganya jatuh ke paras terendah RM642 setan dalam 2001. Bagi meningkatkan harga, Kerajaan telah memperkenalkan program penanaman semula 200,000 hektar pemilihan kelapa sawit yang berusia melebihi 25 tahun. Langkah seperti ini telah membantu mengurangkan lebihan dan menstabilkan harga pada paras purata RM1,267 setan bagi bulan Januari - Ogos 2002.

Dalam Belanjawan 2002, sebanyak RM5,340 juta yang merupakan peruntukan tahunan terbesar pernah disediakan, telah diberikan bagi **projek-projek luar bandar** bertujuan meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan masyarakat luar bandar. Projek-projek berkenaan termasuklah

CUKAI KE ATAS PENDAPATAN KORPORAT

Cukai korporat dikenakan ke atas pendapatan yang diperolehi dari Malaysia. Bagaimanapun, pendapatan yang diterima oleh syarikat pemastautin yang menjalankan perniagaan perbankan, insurans, pengangkutan udara dan laut dikenakan cukai berdasarkan skop pendapatan sedunia. Cukai korporat dikenakan berdasarkan pendapatan yang diperolehi dalam tahun semasa dan mengikut sistem imputasi di mana cukai yang dibayar oleh syarikat diberi kredit kepada pemegang saham.

Sebelum 1986, kadar cukai korporat adalah 40%, cukai keuntungan berlebihan 5% dan cukai pembangunan 5%. Bagi industri timah dan balak, cukai keuntungan tambahan dikenakan antara 5% dan 15% dan antara 10% dan 20%. Pada 1986, cukai keuntungan ke atas timah dan balak telah dimansuhkan. Pada tahun yang sama, cukai keuntungan berlebihan telah dikurangkan daripada 5% kepada 3% dan seterusnya dimansuhkan pada 1988. Cukai pembangunan telah dikurangkan secara beransur-ansur bermula pada 1990 dan dimansuhkan pada tahun 1993. Begitu juga dengan cukai korporat di mana dalam satu dekad, kadar cukai telah diturunkan beransur-ansur daripada 40% pada 1988 kepada 28% pada 1998.

Kajian Semula Cukai Pendapatan Korporat (%)

Tahun Taksiran	Cukai Korporat	Cukai Tambahan	
		Cukai Keuntungan Berlebihan	Cukai Keuntungan
1980-1985	40	5.0	5.0
1986	40	3.0	5.0
1987	40	3.0	5.0
1988*	40	-	5.0
1989	35	-	5.0
1990	35	-	4.0
1991	35	-	3.0
1992	35	-	2.0
1993*	34	-	-
1994	32	-	-
1995-1997	30	-	-
1998-2002	28	-	-

*Cukai keuntungan berlebihan dimansuhkan pada 1988 dan cukai keuntungan dimansuhkan pada 1993.

Pada masa ini, kadar cukai korporat di Malaysia adalah lebih rendah berbanding dengan negara-negara ASEAN, Asia dan kebanyakan negara membangun kecuali Hong Kong, Singapura, Taiwan, Thailand dan Jerman. Memandangkan Malaysia tidak mengenakan cukai ke atas pendapatan dividen, kadar cukai korporat 28% masih kompetitif berbanding dengan negara-negara lain. Tambahan pula, Malaysia mempunyai skim galakan cukai yang komprehensif seperti Taraf Perintis, Elaun Cukai Pelaburan, Elaun Pelaburan Semula dan pakej insentif istimewa bagi aktiviti tertentu dalam sektor pembuatan, pertanian dan perkhidmatan. Dengan mengambil kira galakan cukai tersebut, kadar cukai berkesan adalah rendah contohnya, 8% bagi sektor pembuatan.

Perbandingan Cukai Pendapatan Korporat *
(%)

Negara	Cukai Korporat	Cukai ke atas Dividen	Cukai Berkesan	Kadar VAT
Hong Kong	16.0	–	16.0	–
Ireland	20.0	–	20.0	4.3, 12.5, 20.0
Singapura	24.5	–	22.0	3.0-5.0
Taiwan	25.0	30.0	47.5	20.0
Jerman	25.0	–	25.0	7.0, 6.0
Malaysia**	28.0	–	28.0	–
Korea	28.0	–	28.0	10.0
Thailand	30.0	10.0	37.0	7.0
United Kingdom	30.0	–	30.0	5.0, 17.5
China	33.0	–	33.0	13.0, 17.0
Amerika Syarikat	40.0	30.0	58.0	–
Jepun	42.0	30.0	59.4	5.0

* Seperti pada 2001.

** Malaysia tidak mengenakan VAT. Bagaimanapun, barangan keluaran tempatan dan yang diimport dikenakan cukai jualan seperingkat pada kadar 5% – 25%. Cukai perkhidmatan juga dikenakan ke atas perkhidmatan tertentu pada kadar 5%.

Perbandingan Kadar Cukai Antara Bandar Raya Asia *
(%)

Bandar Raya	Cukai Korporat	Cukai Individu (Kadar Tertinggi)	Cukai Nilai Ditambah (Kadar Biasa)
Kuala Lumpur	28.0	28.0	Cukai jualan: 5-25% Cukai perkhidmatan: 5%
Bangkok	30.0	37.0	7.0
Beijing	33.0	45.0	17.7
Bandar raya Ho Chi Minh	Hotel, kewangan, insurans, perkhidmatan: 25% Cukai keutamaan: 10–20% Pembuatan: 10–20%	50.0	10.0
Hong Kong	Perniagaan individu: 15% Keuntungan korporat: 16%	17.0	0
Jakarta	10.0–30.0	35.0	10.0
Manila	32.0	32.0	10.0
New Delhi	35.7	30.6	16.0
Seoul	<100 m. won: 16% >100 m. won: 28%	40.0	10.0
Shanghai	33.0	45.0	17.0
Singapura	24.5	26.0	3.0
Taipei	>NT\$50,000 hingga NT\$100,000: 15% >NT\$100,000: 25%	40.0	5.0

* Seperti pada 2001.

perkhidmatan pengembangan pertanian dan subsidi baja, pembinaan jalan luar bandar, bekalan air dan elektrik, klinik kesihatan dan sekolah luar bandar serta buku teks percuma. Melalui program ini, masyarakat Orang Asli turut menikmati kemudahan lebih baik yang disediakan di samping program khusus yang dilaksanakan seperti program perubahan sikap dan pembangunan minda serta peningkatan pendidikan pra-sekolah bagi mengurangkan kadar keciciran.

Kerajaan telah mengambil tindakan positif bagi menangani isu **pengangguran di kalangan graduan** yang berjumlah kira-kira 44,000 pada Julai 2002. Kerajaan telah memperuntukkan RM226 juta bagi melaksanakan program SSL mulai Oktober 2001 dengan memberi bantuan kewangan RM500 sebulan kepada setiap peserta skim. Program ini melibatkan penempatan sementara para graduan selama enam bulan di jabatan Kerajaan dan sektor swasta. Sehingga Julai, seramai 27,260 graduan telah menyertai Skim ini yang mana lebih 60% ditempatkan dalam bidang pengurusan dan pentadbiran, manakala sebahagian besar pula dalam bidang latihan ICT dan bahasa Inggeris. Program ini telah berjaya meningkatkan tahap keyakinan diri dan peluang untuk mendapatkan pekerjaan bagi para graduan berkenaan.

Objektif **pembangunan sosial** ke arah mencapai pengagihan kekayaan ekonomi yang lebih saksama terus diberi keutamaan. Banyak kemajuan telah dicapai dalam usaha membasmi kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup. Sehubungan itu, paras kemiskinan telah menurun di bawah 6% (1995: 8.7%), manakala Indeks Kualiti Hidup telah meningkat kepada 108.43 mata (1980: 86.22 mata). Pendapatan per kapita nominal juga telah meningkat daripada RM12,956 dalam 2001 kepada RM13,450 dalam 2002, manakala pariti kuasa beli pula meningkat 2.7% daripada USD8,632 kepada USD8,918 dalam tempoh yang sama. Jurang pendapatan bagi tempoh masa 1995-1999, yang diukur melalui pekali Gini, bertambah baik daripada 0.456 kepada 0.443, sementara jurang pendapatan

antara bandar dan luar bandar telah mengecil daripada 1:1.95 kepada 1:1.81 bagi tempoh yang sama. Sungguhpun demikian, dasar bagi mengurangkan lagi jurang dari segi kemudahan sosial, ekonomi dan pendapatan antara bandar dan luar bandar akan diteruskan.

Tinjauan 2003

Ke arah pertumbuhan lebih kukuh...

Dengan proses pemulihan ekonomi yang sederhana tetapi teguh dalam 2002 dan momentumnya dijangka terus meningkat pada 2003, ekonomi dunia diunjurkan mencatat pertumbuhan keluaran sebanyak 3.7% dengan perkembangan perdagangan sebanyak 6.6%. AS diramal mencatat pertumbuhan KDNK yang lebih tinggi sebanyak 2.6%, manakala kawasan euro bertambah baik sebanyak 2.9%. Jepun yang telah mula menampakkan tanda-tanda keluar daripada kemelesetan, telah melangkah ke arah pemulihan dan dijangka mencatat pertumbuhan 1.1% pada 2003.

Dengan bertambah kukuhnya asas-asas makroekonomi dan ketahanan sektor korporat dan kewangan, ekonomi Malaysia kini bersedia untuk menerima manfaat daripada persekitaran ekonomi global yang semakin baik yang diunjurkan bagi 2003. Semua sektor dijangka mengalami pertumbuhan melalui asas ekonomi yang lebih luas dengan KDNK dijangka mencatat pertumbuhan 6%-6.5%, berpunca daripada peranan sektor swasta yang lebih cergas dan dinamik. Sektor pembuatan dijangka terus berkembang dengan mencatat peningkatan keluaran sebanyak 8.5% dan menyumbang 2.6 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK manakala sektor perkhidmatan dengan jangkaan pertumbuhan 5.9% akan terus menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan dengan 3.3 mata peratusan. Sektor pembinaan diunjurkan berkembang 4.5% manakala pertanian dijangka meningkat sebanyak 3.4% dan sektor perlombongan 2.5%.

Pertumbuhan ekonomi negara akan dijana oleh kegiatan dan sumber dalam negeri dengan diterajui oleh sektor swasta, khususnya dalam bidang baru sektor perkhidmatan termasuk pelancongan, pengangkutan, pendidikan, kesihatan dan juga pertanian. Ini bertujuan mengurangkan pergantungan terhadap sektor perkilangan dan juga sektor luar. Dengan peningkatan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang sederhana pada kadar 4.6%, kedudukan kewangan sektor awam akan mengukuh ke arah konsolidasi dan matlamat belanjawan berimbang pada akhir tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Defisit fiskal Kerajaan Persekutuan disasarkan mengecil kepada 3.9% KDNK berbanding 4.7% pada 2002.

Bagi menyokong pembangunan yang didorong oleh sektor dalam negeri, aktiviti SMEs akan terus dipupuk. Sektor awam akan menyediakan persekitaran yang kondusif bagi menggalakkan

lagi aktiviti perniagaan dan pelaburan. Sehubungan itu, Kerajaan komited dalam usaha mengurangkan dan seterusnya menghapuskan karenah birokrasi bagi tujuan memperbaiki lagi kualiti perkhidmatan di samping memastikan projek dan program dilaksanakan dan disiapkan dengan cepat dan menepati masa. Dengan langkah tambahan yang bertujuan merangsang lagi aktiviti ekonomi pada 2003, pelaburan swasta dijangka melonjak sebanyak 16.5% manakala penggunaan swasta pula sebanyak 9.9%.

Tumpuan juga akan diberikan terhadap meningkatkan lagi kualiti pendidikan peringkat rendah dan menengah sejajar dengan program pembangunan sumber manusia bertujuan mempertingkatkan kualiti tenaga buruh. Program pembangunan luar bandar akan terus diberi keutamaan dengan lebih tumpuan kepada warga miskin dan orang kurang upaya seiring dengan langkah meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat.

MEMPELBAGAIKAN PUNCA PERTUMBUHAN: PEMBANGUNAN LEMBAH BIO MALAYSIA

Pengenalan

Transformasi Malaysia daripada ekonomi berasas pertanian kepada pembuatan elektrik dan elektronik berasaskan eksport telahpun diketahui umum. Transformasi ini telah dijayakan melalui dasar dan program perindustrian yang pragmatik dan gigih bagi mempelbagaikan asas ekonomi. Peralihan terancang dari kebergantungan tinggi ke atas eksport getah dan timah kepada struktur ekonomi yang lebih luas, yang mana pembuatan dan perkhidmatan menyumbang 87.8% kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK), telah membolehkan Malaysia mencapai pertumbuhan tinggi KDNK hampir 7% dalam tempoh tiga dekad yang lalu.

Punca Baru Pertumbuhan

Kemajuan teknologi yang pesat, terutamanya teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah mencetuskan gelombang ketiga (*third wave*) pertumbuhan yang memberi tumpuan kepada penggunaan pengetahuan untuk mewujudkan nilai baru, kekayaan dan pertumbuhan ekonomi. Asas-asas awal ke arah pengwujudan persekitaran yang sesuai bagi pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan telahpun disediakan bagi mengelakkan negara daripada dipinggirkan di samping menguasai gelombang baru ini. Penubuhan MSC pada tahun 1996 menyediakan prasarana bagi memastikan peningkatan dalam perkembangan penyelidikan dan kreativiti.

Menyedari bahawa pembangunan ekonomi masa hadapan terletak pada kemajuan teknologi, teras kedua-dua Rancangan Malaysia Ketujuh dan Kelapan adalah untuk beralih daripada strategi pertumbuhan berasaskan input kepada yang didorong oleh pengetahuan dan teknologi. Teknologi, kemahiran dan inovasi merupakan pemangkin bagi pertumbuhan masa hadapan dan penggerak utama transformasi kepada ekonomi berasaskan pengetahuan yang akan membantu negara untuk merealisasikan potensi penuh pertumbuhan output dan memesatkan lagi transformasi struktur dan nilai tambah sektor-sektor ekonomi. Bioteknologi dikenal pasti sebagai teknologi teras memacu inovasi dan keupayaan tempatan bagi menghasilkan produk baru untuk tujuan komersial dalam bidang perubatan, tenaga, perladangan dan pengeluaran makanan serta pengurusan alam sekitar.

Bioteknologi

Bioteknologi melibatkan teknik penggunaan organisma hidup untuk menghasilkan atau mengubahsuai produk dan meningkatkan mutu kehidupan tumbuhan dan haiwan serta membentuk organisma mikro bagi kegunaan tertentu. Kepelbagaian flora dan fauna negara menyediakan bahan yang banyak dan skop yang luas untuk penyelidikan bioteknologi.

Kerajaan telah memberi sokongan kuat dan menggalakkan pembangunan bioteknologi melalui penyediaan peruntukan bagi penyelidikan dan pembangunan (R&D), pembangunan sumber manusia dan prasarana. Pada masa ini, penyelidikan bioteknologi kebanyakannya dijalankan oleh institusi sektor awam seperti Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (MRB), Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Kebanyakan universiti awam Malaysia mempunyai unit penyelidikan bioteknologi. Penglibatan sektor swasta dalam bioteknologi tertumpu

kepada kultur tisu tumbuhan seperti dalam penanaman orkid. Terdapat juga pengeluar yang menggunakan bioteknologi untuk menghasilkan jus jernih dan sirap buah-buahan yang bermutu tinggi. Tumbuhan seperti tongkat ali dan pegaga digunakan untuk mengeluarkan produk herba kesihatan. Kini, terdapat kira-kira 50 buah syarikat Malaysia yang menggunakan proses bioteknologi kebanyakannya dalam bidang pengeluaran makanan, produk herba dan farmaseutikal.

Pada tahun 1996, Direktorat Bioteknologi Kebangsaan (BIOTEK) telah ditubuhkan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (KSTAS) untuk mempromosi dan menyelaras aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam bioteknologi serta membentuk usahasama di antara sektor swasta dengan awam dalam program bioteknologi kebangsaan dan membantu mengkomersialkan penemuan penyelidikan. BIOTEK kini menguruskan tujuh kategori aktiviti R&D bioteknologi, iaitu molekul, tumbuhan, haiwan, perubatan, persekitaran dan perindustrian, biofarmasi dan makanan. Pusat Kerjasama Bioteknologi (BCC), yang diuruskan oleh BIOTEK dengan universiti dan institut penyelidikan, berusaha sama menjalankan aktiviti R&D bagi setiap kategori. Satu perkongsian antarabangsa antara Pusat Kerjasama Bioteknologi dan Massachusetts Institute of Technology (MIT) dimulakan pada tahun 1999 bagi memudahkan interaksi, pembangunan dan latihan saintis dalam bidang kritikal seperti genomik, bioinformatik dan bioproses melalui pertukaran ahli penyelidik antara Malaysia dan MIT. Program ini bertujuan untuk memupuk satu kumpulan profesional yang berupaya menerajui pembangunan industri bioteknologi di Malaysia.

Pembangunan Lembah Bio di Malaysia

Pembangunan bioteknologi di Malaysia akan dipergiatkan lagi dengan adanya inisiatif cadangan penubuhan Lembah Bio Malaysia dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Lembah Bio yang akan ditempatkan di kawasan MSC akan menjadi nukleus industri bioteknologi. Lembah Bio akan menggunakan pendekatan kluster yang telahpun berjaya dilaksanakan untuk membangunkan industri bioteknologi di seluruh dunia, terutamanya di Amerika Syarikat dan Kanada. Kluster ini akan mengandungi institusi penyelidikan bioteknologi, universiti dan syarikat khusus. Ini adalah bagi menggalakkan saling perhubungan dan pertemuan intelektual pakar dan keusahawanan serta perkongsian sumber manusia dan fizikal, di mana pusat kecemerlangan industri dapat dibina. Hasil daripada kerjasama dan berkongsi lokasi akan membolehkan setiap syarikat di dalam kluster tersebut bersaing secara global, sesuatu yang tidak mungkin dapat dicapai secara bersendirian. Tambahan pula, dengan pemusatan syarikat di Lembah Bio ia akan mempercepat dan memesatkan lagi pengkomersialan teknologi dan produk yang dihasilkan oleh institut penyelidikan tersebut yang seterusnya akan merangsang pertumbuhan syarikat-syarikat baru. Sinergi yang muncul dari pengusaha-pengusaha industri akan menggalakkan interaksi aktif dan merangsangkan lagi inovasi dan pemindahan teknologi.

Pembangunan Lembah Bio Malaysia di kawasan MSC mengambilkira sinergi antara bioteknologi dan teknologi maklumat dan komunikasi. Sokongan teknologi maklumat yang sesuai adalah penting untuk pembangunan bioteknologi oleh kerana ianya satu bidang berintensif pengetahuan. Inisiatif ini akan dikenali secara kolektif sebagai Koridor Raya Bioteknologi dan ICT.

Tiga institusi penyelidikan baru iaitu Institut Agro-Bioteknologi Kebangsaan, Institut Farmaseutikal dan Nurtraseutikal Bioteknologi Kebangsaan serta Institut Genomik dan Biologi Molekul Kebangsaan akan menjadi teras kepada Lembah Bio Malaysia. Setiap institusi akan menjalankan penyelidikan di dalam bidang bioteknologi tertentu yang kritikal bagi pembangunan keseluruhan industri tersebut. Institusi-institusi ini akan mempunyai pakar serta dilengkapi dengan peralatan dan prasarana tercanggih bagi menjalankan R&D bertaraf dunia. Tambahan pula, institusi ini akan mempunyai hubungan rapat dengan universiti-universiti di Malaysia, bertindak sebagai inkubator untuk penyelidikan inovatif,

melatih saintis dan menyokong syarikat bioteknologi yang baru muncul. Penubuhan Lembah Bio Malaysia akan menjana minat daripada pusat kecemerlangan bioteknologi antarabangsa untuk berusaha sama dengan institusi-institusi kebangsaan.

Bidang penyelidikan strategik telah dipilih berasaskan faktor-faktor seperti kesediaan sumber-sumber penyelidikan, kebolehan mengoptimumkan keupayaan nasional, penggunaan sepenuhnya pengalaman R&D yang berjaya dan pelaburan sektor swasta. Penyelidikan bioteknologi pertanian dijangka menghasilkan produk dan teknologi baru yang akan merangsang semula sektor pertanian melalui peningkatan pengeluaran makanan serta menjadikan sektor berkenaan lebih berdaya saing dengan tanaman transgenik dengan penghasilan dan kualiti yang tinggi. Teknologi baru seperti teknologi lanjut pembiakan dan vaksin rekombinasi bagi menangani penyakit-peyakit yang membawa maut seperti virus Nipah akan menjana pertumbuhan pesat industri ternakan. Penyelidikan bioteknologi farmaseutikal dan nutraseutikal boleh membawa kearah penemuan *functional food* dan ubat yang akan mengalakkan penjagaan kesihatan. Penyelidikan genomik dan biologi molekul adalah penting bagi penjana pengetahuan dan inovasi baru.

Lembah Bio akan diuruskan oleh Perbadanan Pembangunan Lembah Bio yang bertanggungjawab kepada Lembaga Pembangunan Bio-Valley Kebangsaan. Perbadanan berkenaan akan juga menangani isu-isu berkaitan dengan keselamatan serta kesedaran awam mengenai bioteknologi. Direktorat Pembangunan Perniagaan juga telah diwujudkan bagi membantu mengkomersialkan hasil penyelidikan seperti pendrafan paten, pelesenan dan pemindahan teknologi, pengurusan perhubungan antara industri dan penarikan pelaburan dari dalam dan luar negara.

Status Pelaksanaan

KSTAS telah mengenalpasti 1,200 ekar tanah di kawasan MSC untuk projek Lembah Bio. Juruperunding bagi projek ini juga telah dikenal pasti dan satu plan induk untuk pembangunannya sedang disediakan. Rundingan sedang diadakan dengan Kerajaan Negeri Selangor bagi mendapatkan kelulusan penggunaan tanah. Projek Lembah Bio dijangka siap dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan.

Penutup

Walaupun pelbagai pihak di Malaysia sedang menjalankan penyelidikan bioteknologi, namun, pengkomersialan penemuan masih rendah tanpa sebarang paten baru yang menjana nilai ekonomi dari penyelidikan ini. Oleh kerana pereka-cipta bekerja secara berasingan dan kurangnya strategi keusahawanan yang berkesan, maka daya inovasi ketinggalan di belakang. Inisiatif Lembah Bio Malaysia telah dirangka bagi menangani isu-isu ini dan merangsangkan pembangunan harta intelektual bioteknologi serta memupuk penubuhan syarikat-syarikat baru di sektor bioteknologi. Usaha bersepadu penyelidik dan pengusaha industri dalam Bio-Valley dijangka melahirkan punca baru pertumbuhan dan juga mempertingkatkan lagi sektor-sektor ekonomi sedia ada.